

Najib minta jangan heboh sumbangan Arab - Saksi

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meminta agar Majlis Jemaah Menteri agar tidak menghebahkan mengenai sumbangan yang diterima daripada Raja Muda Arab Saudi, Putera Sultan bin Abdul Aziz Al-Saud.

Tanpa menyatakan jumlahnya, Najib turut memberitahu jemaah menteri pada mesyuarat bertarikh 8 September 2010 bahawa sumbangan pertama daripada Putera Arab itu juga telah diperolehi.

Sumbangan tersebut diberikan kepada Yayasan 1Malaysia Development Berhad bagi projek dan program yang berasaskan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Perkara itu dimaklumkan oleh bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Tan Sri Mazidah Abdul Majid ketika membaca pernyataan saksi beliau selaku saksi pendakwaan ke-11 pada perbicaraan kes Najib, 68, yang didakwa atas 25 tuduhan pengubahan wang haram dan salah guna kedudukan serta

penyelewengan dana berjumlah RM2.3 bilion di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

“Yang Amat Berhormat (Najib) seterusnya memaklumkan dan memberi pandangan bahawa kerajaan perlu lebih kreatif dalam mencari sumber-sumber kerajaan dan peruntukan di luar rangkaian hasil kerajaan yang sedia ada kerana ia memberi lebih fleksibiliti kepada kerajaan untuk membantu rakyat,” katanya.

Tambahnya, Jemaah Menteri kemudian bersetuju untuk memberikan cadangan projek dan program CSR untuk dilaksanakan pada Oktober 2010 dan untuk tidak mengumumkan sumbangan oleh kerajaan Arab itu.

Minit mesyuarat itu kemudian telah disahkan oleh Setiausaha Jemaah Menteri iaitu Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mazidah, 72, dipanggil memberi keterangan semalam selepas saksi pendakwaan ke-10 yang juga bekas Ketua Pegawai eksekutif 1MDB, Mohd. Haze'm Abd. Rahman tidak dapat hadir pada prosiding semalam untuk

meneruskan sesi soal balas kerana demam.

Perbicaraan bersambung esok.

MAZIDAH Abdul Majid ketika hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes pengubahan wang haram membabitkan Najib Razak semalam.

